

12 MAY 2000

MAHATHIR-TIME-SINGTEL/I

KERAJAAN TIDAK TENTANG NIAGA JANJI TIME-SINGTEL DEAL, KATA PM

Oleh: Mohd Arshi Daud

KUALA LUMPUR, 12 Mei (Bernama) -- Kerajaan tidak menentang cadangan oleh Singapore Telecommunications Ltd (SingTel) untuk membeli kepentingan di dalam Time Engineering Bhd dan Time dotCom dalam satu janji niaga yang telah dibatalkan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Cadangan itu telah luput. Time, SingTel dan Renong menanda tangani satu perjanjian pada 5 April dan sepatutnya meneruskan janji niaga mereka menjelang 5 Mei selepas satu kajian usaha wajar.

Ini dilanjutkan sehingga semalam apabila pihak-pihak berkenaan tidak menyelesaikan janji niaga itu sehingga 5 Mei. Tetapi janji niaga itu telah dibatalkan apabila ketiga-tiga pihak tidak mengeluarkan sebarang kenyataan semalam. "Kita tidak menentang sesiapa," presiden UMNO memberitahu persidangan akhbar yang diadakan pada akhir hari kedua perhimpunan agung UMNO ke-54 di sini.

Di bawah janji niaga RM2.2 bilion Time-Singtel yang gagal itum syarikat Singapura itu sepatutnya memiliki 20.59 peratus kepentingan di dalam anak syarikat Time, Time dotCom, dan 14.5 peratus kepentingan di dalam Time sendiri.

Time, yang mempunyai hutang berjumlah RM4.8 bilion, telah mencadangkan niaga janji RM3 bilion dalam bentuk RM1.465 bilion penjelasan tunai kepada pemiutang-pemiutangnya dan RM1.5 bilion dalam nota kupon sifar.

Tetapi niaga janji Time-Singtel itu ditentang oleh Sapura Holdings Bhd, pemiutang utama hutang besar Time, yang berminat memiliki untuk dirinya sendiri 40 peratus kepentingan di dalam Time dotCom di bawah satu cadangan penyusunan semula hutang alternatif.

Sapura berkata ia telah mengumpul lebih daripada 26 peratus hak mengundi daripada kalangan pemiutang untuk menolak penyusunan semula hutang Time sekiranya Time bersetuju kepada penggabungan dengan SingTel.

Sapura, Telekom Malaysia dan Kumpulanwang Simpanan Pekerja difahamkan menjadi pemiutang utama Time. Time berhutang dengan Sapura sahaja kira-kira RM440 juta.

Di dalam satu kenyataan hari ini, presiden dan ketua pegawai eksekutif SingTel Lee Hsien Yang menyatakan kekesalan terhadap janji niaga yang dibatalkan itu.

"Kami tidak diberitahu mengenai sebab kenapa perkara ini dibatalkan," katanya.

Beliau juga berkata cadangan pelaburan di dalam Time oleh SingTel akan mematuhi sepenuhnya undang-undang yang mengawal pemilikan asing di dalam syarikat-syarikat tekekomunikasi Malaysia.

Laporan semalam membuat spekulasi bahawa Khazanah Nasional Bhd, cabang pelaburan kerajaan, berminta mengambil kepentingan di dalam Time.

Tetapi kedua-dua Dr Mahathir dan Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin semalam menafikan dimaklumkan mengenai Khazanah berminat untuk memiliki kepentingan di dalam Time.

Apabila ditanya mengenai desas-desus pasaran yang janji niaga Time-SingTel yang dibatalkan itu menunjukkan bahawa kerajaan Malaysia tidak sanggup membenarkan jualan kepentingan strategik di dalam sebuah syarikat telekomunikasi tempatan kepada sebuah syarikat yang dimiliki dengan besar oleh kerajaan Singapura, Dr Mahathir berkata:

"Anda tahu pasaran membuat bermacam-macam kesimpulan berkaitan kenapa sesuatu berlaku di negara ini. Sesetengah daripadanya sentiasa terbukti

salah."

Menyebut bahawa pasaran perlu membuat spekulasi mengenai perkara-perkara tertentu, Perdana Menteri menegaskan bahawa kerajaan tiada "urusan" dalam janji niaga yang gagal itu.

"Jika mereka (syarikat-syarikat dalam cadangan berkenaan) fikir bahawa ia adalah baik bagi negara ini, mereka patut bertindak secara demikian. Jika mereka fikir ia adalah baik bagi syarikat mereka, terserah kepada mereka untuk membuat keputusan," tambahnya. --BERNAMA

AD/SHO OS